

BAB 2

ASNAF FISABILILLAH

2.0 Pendahuluan

Zakat merupakan rukun ketiga daripada rukun Islam yang lima. Zakat adalah satu ibadah yang mempunyai hubung kait dengan Allah dan manusia. Ini bermaksud bahawa orang yang mengeluarkan merupakan zakat adalah orang yang taat kepada perintah Allah. Selain daripada melaksanakan ibadah, zakat juga boleh menjadi penggerak aktiviti sosioekonomi umat Islam. Ia juga dapat memantapkan lagi nilai keadilan sosial melalui agihan zakat kepada golongan yang memerlukan. Terdapat lapan asnaf yang berhak menerima zakat. Salah satu asnaf tersebut ialah fisabilillah. Bentuk bantuan kepada asnaf adalah pelbagai kerana pentafsirannya yang meluas meliputi pendidikan, dakwah dan lain-lain aktiviti dalam menegakkan syiar Islam.

2.1 Pengenalan Zakat Sepintas Lalu

Dari segi bahasa zakat bererti berkembang dan bertambah. Perkataan zakat berasal dari kalimah Arab yang berkait dengan berkat, berkembang, bersih suci dan baik. Berkat dikaitkan dengan keberkatan harta seseorang yang telah mengeluarkan zakat. Suci pula merujuk kepada kebersihan hati pemilik harta daripada sifat tamak, kedekut bakhil dan syirik.

Dari segi istilah zakat mempunyai pengertian yang agak luas menurut syarak. Tiada pengertian yang khusus yang boleh diletakkan kepada makna zakat. Ini kerana permasalahan zakat melibatkan perbincangan tentang beberapa jenis harta. Setiap jenis harta pula membawa kepada hukum yang berlainan. Ditambah pula zakat sendiri dibahagikan kepada dua jenis iaitu zakat fitrah dan zakat harta mempunyai hukum yang berbeza-beza.¹ Kebanyakan fuqaha mentakrifkan zakat harta berasaskan kepada empat unsur utama iaitu kadar tertentu dari jenis harta tertentu, untuk golongan tertentu dan dengan syarat-syarat tertentu.²

Zakat mula difardukan pada tahun kedua hijrah Rasulullah SAW ke Madinah. Rasulullah SAW telah membentuk sebuah kerajaan di Madinah dan memerlukan sumber kewangan untuk mentadbir negara Islam. Salah satu sumber kewangan adalah melalui zakat yang dikutip daripada masyarakat Islam yang kini bebas untuk mengumpul kekayaan sendiri. Hasil kutipan zakat ini kemudian diagihkan kepada orang Islam yang miskin di Madinah.³ Walau bagaimanapun, ada sesetengah pihak cuba mengambil kesempatan dan mula berebut harta zakat. Malahan ada yang sanggup mencela Rasulullah SAW sekiranya baginda tidak mengagihkan zakat kepada mereka.

¹ Shofian Ahmad dan Amir Husin Mohd Nor, *Zakat Membangun Ummah* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002), 11.

² Zamzuri Zakaria, "Zakat Galian: Sumber yang Diittifaq dan Diikhtilaf", dalam *Zakat Pensyariatan Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 68.

³ Sofian Ahmad & Amir Husin Mohd Nor, *Zakat Membangun Ummah*, 13-14.

Sikap golongan ini diceritakan Allah SWT di dalam ayat al-Quran berikut.

وَمِنْهُمْ مَّن يَلْمِزُكَ فِي الصَّدَقَاتِ فَإِنْ أُعْطُوا مِنْهَا رَضُوا وَإِنْ لَمْ يُعْطُوا مِنْهَا
إِذَا هُمْ يَسْخَطُونَ ﴿٥٨﴾ وَلَوْ أَنَّهُمْ رَضُوا مَا آتَاهُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَقَالُوا
حَسْبُنَا اللَّهُ سَيُؤْتِينَا اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَرَسُولُهُ إِنَّا إِلَى اللَّهِ رَاغِبُونَ ﴿٥٩﴾

Al-Tawbah 10: 58-59

Terjemahan: Dan di antara mereka ada yang mencelamu (Wahai Muhammad) mengenai (pembahagian) sedekah-sedekah (zakat); oleh itu jika mereka diberikan sebahagian daripadanya (menurut kehendak mereka), mereka suka (dan memandangnya adil); dan jika mereka tidak diberikan dari zakat itu (menurut kehendaknya), (maka) dengan serta merta mereka marah. Dan (amatlah baiknya) kalau mereka berpuas hati dengan apa yang diberikan oleh Allah dan RasulNya kepada mereka, sambil mereka berkata: "Cukuplah Allah bagi kami; Allah akan memberi kepada kami dari limpah kurniaNya, demikian juga RasulNya; Sesungguhnya kami sentiasa berharap kepada Allah.

Gambaran yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW menerangkan tentang sifat sebenar orang yang munafik. Ekoran daripada sikap golongan munafik ini turunlah ayat al-Quran yang menerangkan secara jelas tentang golongan yang berhak ke atas zakat. Dengan ini persoalan ke mana hasil zakat perlu disalurkan dapat diselesaikan dan menjadi lebih mudah untuk diuruskan.

2.2 Objektif Zakat

Zakat selain sebagai satu ibadah kepada Allah SWT ia juga mempunyai objektif-objektif yang tertentu yang dapat disimpulkan di bawah ini.

- i. Mempertingkatkan nilai hidup pemberi.

Salah satu cara menyucikan jiwa dari sifat-sifat kedekut dan tamak haloba ialah dengan mengeluarkan zakat.⁴ Berdasarkan firman Allah SWT

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ
سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Al-Tawbah 10:103

Terjemahan: Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.

Sifat kedekut dan tamak menjadikan manusia sangat menyayangi harta yang dimiliki. Apabila hati tiada lagi sifat kedekut seseorang dapat merasai kemanisan berbelanja pada jalan Allah SWT dan dapat melatih diri berbelanja dengan betul. Maksud berbelanja dengan betul ialah berbelanja sebagaimana yang diajar oleh Islam agar jangan membazir. Seterusnya, jangan lupa untuk memberikan sumbangan kepada golongan yang tidak mampu.

Dengan ini, seseorang akan merasa senang dengan perbelanjaan secara baik dan tidak lagi dikongkong oleh rasa kedekut dan sayangkan harta. Bahkan, dapat melahirkan rasa kasih sayang antara penerima dan pemberi zakat. Akhirnya akan melahirkan suasana hidup yang harmoni dan sejahtera.

⁴ Mahmood Zuhi Abd Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 33.

ii. Membersihkan dan menyuburkan harta

Tanpa disadari dalam kesibukan mencari harta kekayaan berkemungkinan secara tidak sengaja berlaku penceroohan terhadap hak orang lain. Kejadian seperti ini boleh menyebabkan harta bercampur dengan hak orang lain. Salah satu cara menyucikan harta ialah melalui pengeluaran zakat. Meskipun tidak berlaku penceroohan harta, hak mereka yang berhajat tetap ada pada harta berkenaan atas dasar jaminan sosial yang ditetapkan Islam. Namun begitu, tidak bermaksud bahawa dengan berzakat boleh menyucikan harta yang diperolehi secara tidak halal.⁵ Selain daripada dapat membersihkan harta, zakat juga boleh memperkembangkan lagi harta dan menambah keberkatannya.

قُلْ إِنَّ رَبِّي يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ ۖ وَيَقْدِرُ لَهُ ۖ وَمَا
أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ مُخْلِفُهُ ۖ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿٣٩﴾

Saba' 22: 39

Terjemahan: Katakanlah (Wahai Muhammad): Sesungguhnya Tuhanku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya di antara hamba-hambaNya, dan ia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dialah jua sebaik-baik pemberi rezeki.

Sesungguhnya orang-orang yang mengeluarkan zakat rezeki mereka tidak akan berkurang. Bahkan Allah SWT akan menggantikan dalam bentuk yang tidak diketahui oleh manusia.

⁵ Ibid., 39-40.

iii. Membantu pihak yang memerlukan

Zakat hanya diagihkan kepada lapan golongan yang telah ditetapkan di dalam al-Quran. Pemberian zakat kepada golongan ini akan membantu mereka meneruskan kehidupan seperti mereka yang berkemampuan. Apabila taraf hidup semakin meningkat tumpuan terhadap ibadah kepada Allah SWT dapat dilaksanakan dengan hati yang tenang dan lapang.

Harus diingatkan juga semasa menghulurkan bantuan aspek perasaan juga perlu diambil berat supaya jangan sampai golongan ini berasa terhina ketika menerima sumbangan.⁶

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تُبْطِلُوْا صَدَقٰتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْاَذَى كَالَّذِيْ يُنْفِقُ مَالَهُ
رِثًاۤءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِ فَمَثَلُهُۥ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ
فَاَصَابَهُ وَاِبِلٌ فَتَرَكَهُ صَلْدًا ۗ لَا يَقْدِرُوْنَ عَلٰى شَيْءٍ مِّمَّا كَسَبُوْا
وَاللّٰهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكٰفِرِيْنَ ﴿٢٦٤﴾

Al-Baqarah 3: 264.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak), dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan riak itu) mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan. Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir.

⁶ Ibid., 43-45

iv. Memperkukuh Jaminan Sosial

Pemberian zakat kepada golongan yang berhak bukan sahaja memberi kesan kepada mereka secara individu bahkan masyarakat keseluruhannya. Bantuan yang diberikan kepada golongan fakir miskin contohnya bukan sahaja boleh membantu hidup mereka untuk jangka masa pendek. Bahkan mendorong mereka berusaha meningkatkan taraf kehidupan untuk jangka masa panjang. Seterusnya mereka dapat menyumbang semula kepada masyarakat. Pada masa yang sama bantuan dapat diperluaskan kepada golongan yang memerlukan seperti mangsa bencana alam dan mereka yang kehilangan tempat tinggal. Justeru, jurang dalam masyarakat dapat dikurangkan dan akan melahirkan masyarakat yang sentiasa tolong-menolong, prihatin dan sentiasa bersedia membantu golongan yang tidak berkemampuan.⁷

Daripada perbincangan ini dapat dirumuskan bahawa zakat merupakan satu mekanisme penting mengeluarkan masyarakat Islam daripada kemiskinan dengan sekurang-kurangnya dapat memenuhi keperluan asasi dan merapatkan jurang perbezaan di antara golongan kaya dan miskin. Selain dapat melahirkan masyarakat Islam yang sentiasa prihatin dan peka dengan keadaan yang berlaku dalam masyarakat.

2.3 Konsep Agihan Zakat

Zakat melibatkan dua perkara iaitu kutipan daripada pembayar zakat dan agihan kepada penerima zakat. Al-Quran menerangkan secara terperinci berkenaan dengan pengagihan zakat kepada lapan golongan sebagaimana ayat 60 surah al-Tawbah. Sistem kutipan zakat dan agihannya telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW lagi walaupun institusi

⁷ Ibid., 46-47

zakat belum ditubuhkan secara sistematik. Rasulullah SAW telah melantik beberapa orang amil di luar Madinah untuk mengutip dan mengagihkan zakat dengan kadar segera kepada penduduk tempatan. Kemudian, setiap amil tadi perlu melaporkan kepada Rasulullah SAW jumlah kutipan dan agihan yang telah dilaksanakan. Institusi zakat hanya ditubuhkan secara sistematik semasa zaman khalifah ‘Umar al-Khattāb. Dasar agihan zakat kepada siapa yang berhak telah ditetapkan dalam al-Quran. Ayat al-Quran ini diturunkan disebabkan terdapat segolongan orang munafik yang mengecam cara Rasulullah SAW mengagihkan zakat. Mereka menuduh Rasulullah SAW tidak berlaku adil kerana mereka tidak berhak mendapat habuan agihan zakat.⁸

Zakat yang telah dikutip daripada pemberi zakat perlu diagihkan kepada golongan yang berhak. Proses agihan zakat menjadi lebih mudah kerana telah dijelaskan secara langsung dalam al-Quran kepada siapa zakat ini perlu diserahkan. Agihan zakat kepada golongan asnaf dapat difahami secara jelas berdasarkan ayat al-Quran berikut:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ وَفِي
الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ
عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Al-Tawbah 10 : 60

Maksudnya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum Yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

⁸ Abdul Halim Mohd Noor, Mohamed Saladin Abdul Rasool dan Hassan Bahrom, “Kajian Keberkesanan Pengurusan Agihan Dana Zakat di Malaysia: Kajian Kes di Negeri- negeri Terpilih”, dicapai 23 Mac 2011, http://eprints.uitm.edu.my/4169/1/LP_ABD_HALIM_MOHD_NOOR_06_24.pdf.

Secara keseluruhan ayat di atas menjelaskan tentang golongan yang berhak menerima zakat. Al-Quran dengan jelasnya menerangkan tentang pengagihan zakat berbanding masalah-masalah lain dalam bab zakat seperti penentuan sumber di mana zakat harus dipungut, nisab dan kadar pungutan.⁹ Secara tidak langsung sistem agihan zakat menjadi lebih mudah dan tiada berlaku penyelewengan kerana telah dikenal pasti siapa yang berhak menerima zakat. Terdapat lapan golongan yang berhak menerima zakat iaitu fakir, miskin, amil, mu'alaf, al-riqab, al-gharimin, fisabilillah dan ibn sabil. Dalam pengagihan dana zakat, golongan fakir dan miskin merupakan golongan penerima zakat yang paling diutamakan.

Malah jika diteliti, sekiranya keenam-enam asnaf yang lain tidak menerima bantuan kewangan atau kebendaan dengan segera, mereka juga mungkin terjerumus dalam kemiskinan. Sebagai contoh, amil yang terlalu sibuk mengutip dan mengagihkan zakat tanpa menerima upah atau gaji pasti akan menjejaskan kehidupannya sendiri kerana tidak mempunyai masa untuk mencari rezeki bagi menyara keluarga. Manakala pemiutang yang tidak dibantu menyelesaikan hutangnya mungkin akan diisytiharkan muflis dan semua hartanya dirampas dan dilelong.¹⁰ Mungkin lebih teruk sekiranya mereka terpaksa meminjam wang daripada lintah darat ataupun dikenali dengan istilah ah long dan akan terdedah dengan ancaman yang melibatkan nyawa.

⁹ Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid, "Falsafah Agihan: Keberkesanan dan Ketelusan dalam Pengagihan Zakat" (kertas kerja, Konvensyen Zakat Kebangsaan, Renaissance Palm Garden Hotel, Putrajaya, 18-19 September 2001)

¹⁰ Hasnah Abd Khafidz, "Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa dan Setempat dalam Menentukan Pentafsirannya di Malaysia" (tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Islam, Universiti Malaya, 2006), 100.

2.3.1 Kepentingan Agihan Zakat

Kepentingan agihan zakat kepada para asnaf dinyatakan melalui objektif dan prinsip yang dijadikan matlamat dalam agihan zakat. Dengan mengambil kira objektif-objektif yang jelas dan prinsip-prinsip sebagai panduan, pengagihan zakat akan menjadi lebih efisien dan menyeluruh.

2.3.1.1 Objektif Agihan Zakat

Objektif-objektif agihan zakat antaranya sebagai asas pembangunan ummah dan negara, menunaikan hak dan tanggungjawab kepada asnaf seperti mana yang telah ditetapkan oleh syarak, meningkatkan taraf hidup golongan asnaf dalam semua bidang kehidupan merangkumi aspek-aspek rohani, aqli dan jasmani, membantu melaksanakan usaha-usaha memantapkan dan meninggikan penghayatan agama Islam dan mempertahankan dan meningkatkan martabat ummah.¹¹

Berdasarkan objektif-objektif agihan zakat ini dapat dilihat bahawa ia dibina berdasarkan perintah Allah SWT untuk membantu lapan asnaf yang berkenaan. Usaha-usaha membantu golongan asnaf ini hendaklah secara menyeluruh dari segi lahiriah dan batiniah. Pada masa yang sama dapat membantu meningkatkan kesejahteraan umat Islam serta menambahkan kecintaan terhadap agama dengan penghayatan dan pengamalan terhadap Islam.

¹¹ “*Manual Pengurusan Agihan Zakat*” (*Manual*, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, (2007), ,cet.1, Malaysia: JAWHAR, h. 3- 4.

2.3.1.2 Prinsip-Prinsip Agihan Zakat.

Agihan zakat kepada golongan yang berhak hendaklah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Prinsip-prinsip agihan zakat ini perlu sebagai panduan kepada badan-badan zakat agar agihan zakat sampai kepada golongan sasaran. Antara prinsip-prinsip tersebut ialah amanah, telus, menyeluruh, wajar, had Kifayah, khusus, berasingan, berhemah, pengawasan, pertanggungjawaban, mendapatkan maklumat dengan lengkap, pencalonan, segera, hak dan keutamaan.¹² Prinsip-prinsip agihan zakat ini sangat penting kerana badan-badan zakat ini menjadi pemegang amanah kepada wang zakat yang dibayar oleh umat Islam. Oleh kerana itu, wang kutipan zakat ini hendaklah dijaga dengan sebaik-baiknya sebelum diagihkan kepada asnaf berkenaan. Selain prinsip di atas al-Qaraḍāwī¹³ menjelaskan terdapat enam keadaan yang boleh dijadikan panduan dalam pengagihan zakat kepada para asnaf.

Pertama, dalam keadaan dana zakat banyak dan semua lapan asnaf mempunyai keperluan yang sama dan hampir sama, maka pengagihan zakat perlu disamakan antara asnaf. Tiada pihak yang boleh dinafikan hak mereka untuk menerima peruntukkan selagi mana ia diperlukan. Perkara ini hendaklah dipertanggungjawabkan kepada pemerintah yang mengumpul dan mengagihkan zakat tersebut. Kedua, pengagihan zakat kepada lapan asnaf tidak semestinya diagih dengan kadar yang sama rata. Sebaliknya pemberian mestilah ditentukan berdasarkan bilangan penerima zakat dalam satu-satu asnaf dan juga keperluan mereka. Al-Qaraḍāwī bersetuju bahawa dalam agihan zakat keutamaan hendaklah diberikan kepada asnaf yang mempunyai bilangan penerima yang paling ramai dan mempunyai keperluan yang terbanyak.

¹² Ibid, h.4-6

¹³ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāt*, (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2006), 2:703-705.

Ketiga, diharuskan mengagihkan zakat kepada sebahagian daripada asnaf sahaja, mengikut kesesuaian dan kepentingan pada ketika itu. Selain itu, harus juga untuk membezakan kadar pemberian kepada setiap orang dalam satu-satu asnaf. Keadaan ini boleh berlaku kerana keperluan setiap individu adalah berbeza antara satu sama lain. Keempat, golongan fakir dan miskin perlu diutamakan dalam pengagihan zakat. Ini bertepatan dengan objektif utama zakat untuk membantu golongan ini. Pemerintah tidak boleh menggunakan hasil zakat untuk tujuan lain dalam keadaan terdapat golongan fakir miskin yang memerlukan zakat. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu di mana keutamaan diperlukan kepada asnaf lain, maka tindakan sementara dibolehkan.

Kelima, menurut mazhab syafi'i harus mengambil daripada hasil zakat satu perlapang untuk diberikan kepada asnaf amil dan jumlah itu tidak harus ditambah lagi. Ini bertujuan untuk mengelakkan dana zakat tersebut lebih banyak dibelanjakan untuk tujuan pengurusan dan pentadbiran daripada diperuntukkan kepada kumpulan sasaran yang sebenar. Akhir sekali keenam, dalam keadaan dana zakat tidak begitu banyak, seperti harta daripada zakat seorang pemilik sahaja, maka pengagihan kepada satu asnaf atau satu individu dibolehkan. Ini kerana pengagihan secara sama rata dalam keadaan sedemikian tidak memberi faedah yang diharapkan. Walau bagaimanapun, jika terdapat ramai yang memerlukan bantuan segera dalam sebarang bentuk walaupun sedikit, maka pengagihan secara sama rata perlulah diutamakan.

2.4 Konsep Asnaf Fisabilillah

Kajian ini dilanjutkan lagi dengan perbincangan tentang asnaf fisabilillah yang menjadi fokus perbincangan dari dahulu sampai kini. Dalam era perkembangan mazhab fiqh pula, fuqaha telah berusaha mentafsirkan asnaf lapan sesuai dengan pemahaman mereka terhadap nas dan realiti semasa. Justeru itu, wujudlah pandangan yang berbeza-beza dalam pentafsiran kelapan asnaf ini. Contohnya, asnaf fakir dan miskin telah ditafsirkan dengan pelbagai pentafsiran termasuklah orang yang meminta-minta, orang yang tidak mempunyai makanan atau orang yang tidak mempunyai harta langsung.¹⁴

Begitu juga terdapat pelbagai pentafsiran terhadap asnaf fisabilillah oleh fuqaha silam. Sebagaimana dinyatakan oleh al-Qaraḍāwī¹⁵ terdapat beberapa perkara yang disepakati oleh imam keempat-empat mazhab terhadap asnaf fisabilillah iaitu: pertama, perjuangan (jihad) termasuk dalam asnaf fisabilillah. Kedua, harus mengagihkan zakat kepada para mujahidin. Namun mereka berselisih pendapat tentang hukum mengagihkan zakat untuk membeli peralatan perang. Ketiga, tidak diharuskan mengagihkan zakat untuk perkara kebajikan dan maslahat umum seperti membina tembok, kubu, masjid, sekolah, membaiki jalan raya, mengafankan jenazah dan sebagainya. Sebaliknya, perbelanjaan bagi perkara ini hendaklah ditampung daripada harta baitulmal lain seperti *al-fai*, *kharaj* dan sebagainya. Selain daripada pandangan para fuqaha silam, pengertian dan pentafsiran fisabilillah turut menarik perhatian ulama-ulama terkemudian.

¹⁴ Hasnah Abd Khafidz, "Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa dan Setempat dalam Menentukan pentafsirannya di Malaysia", 5.

¹⁵ Yūsuf al-Qaraḍāwī, "*Fiqh al-Zakāt*", 655.

Berikut adalah beberapa pendapat ulama berkaitan dengan fisabilillah. Perkataan fisabilillah dari sudut bahasa bermaksud jalan menuju kepada keredhaan Allah SWT menerusi iktikad dan amalan. Menurut Ibn al-Athīr, fisabilillah merupakan satu konsep umum yang terangkum di dalamnya segala amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan menurut kebiasaan fisabilillah lebih banyak membawa kepada makna jihad.¹⁶

Pentafsiran Ibn al-Athīr tentang fisabilillah menjelaskan tentang dua perkara iaitu,¹⁷ penggunaan kalimah ini merujuk kepada perlaksanaan amalan-amalan yang ikhlas untuk mencapai keredhaan secara individu mahupun kolektif.

- a. Penggunaan kalimah yang dapat difahami membawa kepada maksud jihad semata-mata.
- b. Pendapat yang meluaskan makna fisabilillah.

Manakala al-Imam al-Rāzi dalam tafsirnya, menyatakan bahawa zahir lafaz pada perkataan fisabilillah dalam ayat 60 surah al-Tawbah itu tidak wajar dikhususkan kepada maksud orang yang berperang semata-mata. Seterusnya beliau memetik bahawa al-Qaffāl dalam tafsir beliau telah menyebut pandangan beberapa fuqaha bahawa zakat boleh dibelanjakan untuk apa sahaja tujuan kebaikan, termasuk menyempurnakan jenazah, membina benteng atau kubu pertahanan dan membina masjid.¹⁸ Ini adalah kerana lafaz fisabilillah dalam ayat tersebut adalah secara umum. Menurut Sayyid Sābiq, definisi fisabilillah sebagai jalan yang menuju keredaan Allah, baik tentang ilmu mahupun amal perbuatan¹⁹. Menurut beliau pada masa kini agihan zakat kepada asnaf fisabilillah lebih dalam bentuk kemaslahatan ummah seperti menambah bilangan

¹⁶ Ibn al-Athīr, *al-Nihāyah fī Gharib al-Hadīth Wa al-Athār* (Kaherah: Maktabah al- Khairiyah), 2: 156.

¹⁷ Yūsuf al-Qaraḍāwī, “*Fiqh al- Zakāt*”, 647

¹⁸ Al-Fakh al- Rāzi, “*al-Tafsir al-Kabīr*”, (Kaherah : al- Maktabah al- Misriyyah, 1983), 16: 113.

¹⁹ Sābiq, as-Sayyid , “*Fiqh al-Sunnah*”,(Kaherah: Dār al-Fath ,1999), 1:452- 453.

pendakwah dan menghantar mereka ke negara-negara bukan Islam untuk berdakwah. Al-Kasānī pula menyatakan bahawa fisabilillah ialah segala bentuk kebajikan dan ketaatan yang meliputi usaha-usaha menuju redha Allah.²⁰

Menurut al-Qaraḍāwī fisabilillah dalam konteks infak pula mengandungi dua pengertian iaitu pengertian umum yang merangkumi semua kerja kebajikan dan pengertian khusus iaitu berperang menentang musuh Islam dan menegakkan kalimah Allah di muka bumi.²¹ Pengertian fisabilillah dalam ayat pengagihan zakat menurut al-Qaraḍāwī ialah jihad sepertimana pendapat jumhur. Beliau bagaimanapun tidak mengehendkan jihad dengan makna peperangan semata-mata. Bahkan memperluaskan jihad dalam bentuk pemikiran, pendidikan, penulisan, perekonomian, politik, kemasyarakatan dan sebagainya. Apa yang penting adalah untuk meninggikan kalimah Allah dan mempertahankan Islam.²²

Kesimpulannya secara tidak langsung al-Qaraḍāwī sebenarnya telah menerima pendapat yang meluaskan konsep fisabilillah. Berdasarkan konsep fisabilillah di atas, maka sumbangan zakat di bawah peruntukkan fisabilillah ini perlu disalurkan ke arah usaha jihad yang luas itu. Antaranya mendirikan pusat dakwah yang memberi kefahaman Islam yang betul dan menyampaikan ajaran Islam kepada bukan Islam, mendirikan pusat-pusat pendidikan, menubuhkan kilang-kilang percetakan untuk menerbitkan serta menyebarkan risalah-risalah dan buku-buku Islam.²³

²⁰ Al-Kasānī, "*al-Badā'i' al-Sanā'i*", (Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1986), 6:45

²¹ Yūsuf al-Qaraḍāwī, "*Fiqh al-Zakat*", 666-667

²² Ibid., 669

²³ Ibid., 681

Daripada pandangan para ulama di atas dapat difahami bahawa jihad yang menjadi inti pati bagi asnaf fisabilillah bukan hanya merujuk kepada peperangan semata-mata. Bahkan meliputi semua perkara yang berkaitan dengan memelihara kesucian agama Islam dan menjaga kemaslahatan ummah.

2.4.1 Penggunaan Istilah Fisabilillah Dalam Pentadbiran Zakat Di Malaysia.

Pandangan al-Qaradāwī dalam bukunya *Fiqh al-Zakāt* telah pun digunakan dalam pentadbiran zakat di negeri-negeri di Malaysia memandangkan pandangan-pandangan tersebut terkenal dan bersifat terbuka, sederhana dan bertepatan dengan realiti semasa. Pelbagai isu zakat telah dikupas di dalam buku tersebut bagi membuktikan bahawa zakat adalah satu cara yang praktikal bagi menyelesaikan permasalahan sosioekonomi umat Islam pada hari ini.²⁴ Pentadbiran zakat di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Setiap negeri mempunyai pusat zakat yang menguruskan kutipan dan agihan zakat. Terdapat pusat zakat yang mengasingkan pentadbiran zakat kepada pusat kutipan dan agihan zakat. Untuk agihan zakat lapan asnaf yang layak diberikan pentakrifan. Namun untuk kajian ini, tumpuan diberikan kepada asnaf fisabilillah sahaja.

Secara umumnya, pentafsiran asnaf fisabilillah yang dibuat oleh pusat zakat di Malaysia membawa kepada pengertian yang luas dan tidak terhad kepada maksud jihad berperang semata-mata. Sebagai contoh, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mentakrifkan asnaf fisabilillah sebagai mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama

²⁴ Nasrul Hisyam Nor Muhamad, "Pengaruh Pemikiran Yusuf al-Qaradawi dalam Pentadbiran Zakat di Negeri Selangor" (tesis sarjana, Universiti Malaya, 2004), xxiv.

Islam serta kebajikannya.²⁵ Oleh itu, dapat dilihat bahawa aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh pusat zakat lebih menumpukan kepada pembangunan ekonomi, pendidikan, dakwah dan kemahiran. Penekanan terhadap aktiviti-aktiviti ini amat sesuai dengan realiti masa kini kerana fisabilillah dalam konteks berjihad dalam bentuk peperangan sudah tiada. Penggunaan maksud fisabilillah di Malaysia masih lagi ada ruang untuk pihak Majlis-majlis Agama Islam dan Lembaga Zakat berjihad dalam mengurus dan mentadbir harta zakat supaya lebih praktikal dan berkesan dalam meningkatkan taraf ekonomi umat Islam. Para fuqaha terdahulu telah mengeluarkan pendapat-pendapat yang bernas sebagai panduan kepada badan-badan zakat di negara Islam. Pendapat-pendapat mereka ini ada yang boleh disesuaikan dengan keadaan semasa.²⁶

2.5 Penutup

Zakat merupakan salah satu sumber kewangan utama untuk pembangunan ekonomi orang Islam. Sumber-sumber zakat yang dikumpul kemudiannya diagihkan kepada lapan golongan asnaf sebagai mana diperintahkan Allah SWT dalam surah al-Tawbah ayat 60. Para fuqaha terdahulu telah menyediakan panduan bagaimana kaedah pengagihan zakat ini kepada para asnaf. Dalam menentukan hukum-hukum para fuqaha banyak menggunakan ijtihad. Keadaan ini memberi ruang kepada fuqaha hari ini untuk berjihad berdasarkan keperluan dan realiti semasa. Dengan adanya kelonggaran-kelonggaran yang diberikan oleh al-Quran dan al-Sunnah urusan pengagihan zakat akan berjalan lancar dan dapat mencapai sasaran objektif agihan zakat.

²⁵ Laman sesawang Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, dicapai 15 Mac 2011, <http://www.maiwp.gov.my/index.php/perkhidmatan/bantuan-zakat-maiwp/358.html>.

²⁶ Hailani Muji Tahir, "Pentafsiran dan Pelaksanaan Agihan Zakat Fisabilillah Mengikut Keperluan di Malaysia" (Kertas kerja, Seminar Pengagihan Zakat di Bawah Sinf Fisabilillah, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 9 Jun 2009), 14.